

UIAM perkenal program Realiti Maya

Oleh [Asrol Awang](#) - Disember 12, 2023 @ 4:10pm

bhnews@bh.com.my



Dr Ahmad Hafiz (tengah) mencuba alat VR bersama Dr Nurliza (kanan) ketika pelancaran Suite Realiti Maya di Fakulti Perubatan UIAM Kuantan, hari ini. - NSTP/Asrol Awang

KUANTAN: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Kuantan memperkenalkan program Realiti Maya (VR) dalam usaha memupuk persekitaran pembelajaran berteraskan teknologi kepada pelajar di Fakulti Perubatan universiti berkenaan.

Pengarahnya, Prof Datuk Dr Ahmad Hafiz Zulkifly, berkata pelancaran Suite VR hari ini, ia dilengkapi dengan perkakasan dan perisian canggih dengan penampilan teknologi.

Katanya, platform inovasi itu direka bentuk bagi meningkatkan metodologi pembelajaran dengan menyediakan pengalaman yang mendalam, interaktif dan realistik merentas pelbagai disiplin.

"Dengan program VR ini, pelajar perubatan akan lebih teruja dan seronok kerana turut diserapkan dengan teknologi yang sukar tetapi dipermudahkan.

"Setakat ini, tiada had kepada pelajar Tahun Pertama hingga Lima menggunakan program VR ini.

"Tetapi pada peringkat awal tahun, fokus utama lebih kepada pelajar perubatan belajar secara maya sebelum mempraktikkan prosedur kepada pesakit sebenar," katanya.

Dr Ahmad Hafiz berkata demikian selepas melancarkan Suite Realiti Maya di Fakulti Perubatan UIAM Kuantan, di sini, hari ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif G Lus Global Sdn Bhd, Dr Nurliza Md Azzam.

Sementara itu, Dr Nurliza berkata, perkongsian G Plus Global bersama UIAM adalah komitmen syarikat itu dalam memajukan institusi pendidikan melalui penyelesaian inovatif.

Katanya, program Dr Martin Virtual Reality (DRMARTINVR) berperanan penting dalam membentuk masa depan pendidikan secara berteknologi tinggi.

"Pelancaran VR ini akan mempamerkan keupayaan teknologi DRMARTINVR melalui demonstrasi langsung menerusi simulasi interaktif dan memberi peluang merasai sendiri potensi transformasi realiti maya dalam pendidikan dan latihan," katanya.

Justeru, Perisian Latihan Realiti Maya yang pertama di Malaysia ini memperlihatkan inovasi diilhamkan DRMARTINVR mampu menyepadukan teknologi dalam landskap akademik berasaskan Penguasaan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI).

"Justeru, kami terus komited menyokong Fakulti Perubatan UIAM dalam misinya untuk memupuk persekitaran pembelajaran yang berteraskan teknologi.

"Kita berharap kerjasama ini dapat dilakukan secara berterusan untuk melaksanakan inisiatif penyelidikan dan pembangunan bagi memastikan UIAM unggul dalam inovasi pendidikan.

"Di samping itu, kami juga berharap supaya penggunaannya metodologi pembelajaran ini mampu diperluaskan ke seluruh negara," katanya.